

# LONGKANG JEM!!!



## CALL SIAPA?

AHLI PARLIMEN (MP)

saya dipilih melalui Pilihanraya Umum.

FUNGSI

- ★ Menggubal undang-undang Persekutuan.
- ★ Meluluskan cukai & bajet Kerajaan Persekutuan.
- ★ Meneliti dasar-dasar Kerajaan Persekutuan.

APA YANG BOLEH DILAKUKAN?

- ★ Membawa masalah longkang tersumbat untuk perhatian ADUN / Majlis Tempatan.
- ★ Meminda undang-undang yang berkenaan.

APA YANG KITA DAPAT?

Undang-undang & dasar yang lebih berkesan untuk penyelenggaraan longkang & alam sekitar.

AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI (ADUN)

saya dipilih melalui Pilihanraya Negeri.

FUNGSI

- ★ Menggubal undang-undang Negeri.
- ★ Meluluskan bajet Negeri.
- ★ Memantau kerja agensi & institusi Negeri seperti Majlis Tempatan.

APA YANG BOLEH DILAKUKAN?

- ★ Membawa masalah longkang tersumbat untuk perhatian Ahli Majlis Tempatan.
- ★ Memastikan peruntukan yang mencukupi untuk Majlis Tempatan.

APA YANG KITA DAPAT?

Majlis Tempatan yang mempunyai dana & sumber yang mencukupi untuk menjalankan tugas seperti membersihkan longkang & alam sekitar.

AHLI MAJLIS TEMPATAN

saya dilantik oleh Kerajaan Negeri.

FUNGSI

- ★ Menerima aduan kerosakan kemudahan awam.
- ★ Mengurus perkhidmatan pembersihan & pembuangan sampah.
- ★ Meluluskan pelan bangunan.
- ★ Merancang pembangunan infrastruktur.

APA YANG BOLEH DILAKUKAN?

- ★ Mengarahkan jabatan yang berkenaan untuk membersihkan longkang.

APA YANG KITA DAPAT?

Longkang tidak jem.

### MACAM MANA NI?

- // Tahukah siapa wakil rakyat anda? Apakah tugas mereka?
- // Tahukah macam mana nak menghubungi mereka?
- // Patutkah Ahli Majlis dipilih melalui pilihanraya sedangkan mereka bertanggungjawab ke atas hal-ehwal seharian rakyat?

### KENALI WAKIL RAKYAT ANDA

- // Sekiranya anda seorang pelajar, tampalkan risalah ini di dalam kelas anda. // Sekiranya anda seorang guru, gunakan risalah ini sebagai bantuan pengajaran. // Sekiranya anda seorang warganegara Malaysia, bangkitkan isu ini dengan wakil rakyat anda. // Jika anda ingin membincangkan isu ini, jumpalah kami di #UndiMsiaChats setiap Sabtu, 11 am - 12 pm @PusatRakyat LB, 3-4, Tingkat 4, Jalan Bangsar Utama 3, Bangsar, 59000 Kuala Lumpur.



**MOVE WITH US!**  
ACTION COMMUNITIES - KOMUNITI BERTINDAK  
MOVE@UNDIMSA.COM  
UNDIMSA.COM | UNDIMSA | UNDIMSA